

07/10/2002

Bila Nik Aziz tersasul bahasa

Mior Kamarul Shahid

SEMUA orang suka bercakap. Bercakap boleh mententeramkan fikiran, asalkan tidak berlebihan. Kalau asyik nak bercakap saja, orang itu digelar kawan-kawan sebagai banyak cakap. Kalau berisi, ia boleh juga dikongsi rakan-rakan. Kalau cakap melalut tidak tentu pasal, orang itu digelar kawan-kawan tin kosong. Kalau lebih banyak berdiam diri pula, akan ada orang yang mengata sesuatu yang tidak kena padanya. Kalau dianggap pendiam, tak mengapalah juga. Ada ibarat yang tidak begitu sedap didengar kepada orang yang pendiam begini.

Orang bercakap atau bersembang mempunyai pelbagai tujuan. Ada yang bercakap sesama sendiri untuk mengeratkan silatullahim. Walaupun tidak memberi hasil, matlamatnya adalah jelas. Jika saudara mara dari kampung atau kawan-kawan datang ke rumah, sudah menjadi kewajipan kepada tuan rumah untuk berbual mesra. Jika sekadar duduk bersendirian di dalam bilik atau menonton televisyen, itulah kali terakhir tetamu yang sama berkunjung ke rumahnya. Tetamu, wajib dilayan. Jika kita berkunjung ke rumah orang, kita juga mengharapkan tuan rumah sedia berbual dengan kita. Dalam masyarakat, berkunjung adalah suatu keperluan. Jangan nanti, kalau kita terlantar di rumah atau hospital, tidak ada saudara mara atau rakan-rakan yang ambil tahu.

Begitu juga, sesama jiran tetangga kita perlu bercakap, walaupun soal yang remeh-temeh. Tanpa berbuat demikian, kita akan dianggap sombong. Lain kali, bila ada keramaian anjuran jawatankuasa penduduk, kita akan menjadi kera sumbang kerana tidak ada orang yang mahu melayan.

Ada pula yang bercakap kosong terutamanya dengan kawan-kawan tanpa tujuan yang jelas. Ia tidak lebih daripada membuang masa. Jika berbual hingga lupa makan dan minum, ia adalah perbuatan keterlaluan.

Bercakap juga memerlukan kawalan supaya kerja lain tidak terbengkalai. Bagi mereka yang bercinta, bercakap penting tetapi ada batasannya kerana perselisihan faham sering berpunca daripada silap cakap. Bercakap menerusi telefon, hingga berjam-jam, tidak menjadi kesalahan jika sanggup membayar bil. Kalau dalam waktu pejabat, menggunakan telefon pejabat, itu pembaziran namanya.

Orang itu juga menjadi tidak produktif kerana kerja di atas meja tidak siap, sebaliknya masa terbuang melayan kekasih. Biasanya ia berlaku pada orang muda, tak dapat melihat wajah, mendengar suara melalui telefon pun dah cukup. Kalau nak bercakap lama-lama, jangan guna telefon awam kerana ia menyusahkan orang lain yang ingin berurusan. Tapi, kalau pakai telefon bimbit, bil bulanannya akan melambung. Suami isteri juga kena selalu bercakap supaya sentiasa mesra. Kalau masing-masing buat hal sendiri, tentulah ada yang tak kena.

Kalau nak dikatakan orang Melayu suka bercakap, itu juga tidak kena kerana semua kaum suka bercakap. Bezanya mungkin dari segi nada. Ada kaum yang suka bercakap kuat macam berada di pasar.

Taraf yang lebih tinggi ialah berbincang. Kalau berbincang, mestilah ada topiknya. Kalau berbincang isu biasa, topik akan melompat-lompat dari satu perkara kepada perkara yang lain. Paling seronok kalau berbincang soal politik. Sampai pagi pun sanggup tunggu, apatah lagi jika perbincangan itu membabitkan soal peribadi seseorang.

Berbincang tanpa topik dianggap melalut. Orang yang melalut tidak sesuai dipilih dalam sesebuah jawatankuasa kerana ia akan menghabiskan masa. Penilaian awal kepada seseorang ialah menerusi percakapannya. Jika

bercakap tanpa isi, orang akan membuat penilaian bahawa orang itu hanya bercakap kosong. Bagi orang seperti ini, adalah lebih baik diam.

Bila diam, orang lain tidak tahu yang dia tidak tahu. Kita tertarik dengan kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebagai tindak balas daripada kenyataan Menteri Besar Kelantan, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat yang menuduhnya tidak tahu membaca al-Quran.

Ditanya sama ada Nik Aziz perlu kurangkan bercakap bagi mengelak melakukan terlalu banyak kesilapan, Dr Mahathir berkata: "Boleh juga. Kalau kita tak bercakap, orang tak tahu yang kita tak tahu." Jadi, kalau kita tidak tahu atau kabur mengenai sesuatu perkara, adalah lebih baik mendiamkan diri saja. Disebabkan isu Nik Aziz tersasul bahasa ini sudah selesai, ia hanyalah satu contoh saja. Ia mungkin menjadi pengajaran kepada mana-mana pemimpin supaya lebih berwaspada jika hendak mengeluarkan kata-kata.

Cakap orang biasa berbeza dengan cakap menteri, timbalan menteri, menteri besar dan mereka yang mempunyai kedudukan dalam status sosial masyarakat. Cakap orang biasa tidak dilaporkan oleh media. Tetapi, jika menteri yang bercakap, apa yang terkeluar daripada mulut mereka, akan menjadi bahan berita. Mereka juga tahu bahawa segala biji butir percakapan mereka boleh menjadi bahan berita.

Oleh itu, sebelum bercakap, haruslah fikir dulu semasak-masaknya, jangan pakai hentam saja. Janganlah salahkan media pula bila kata-kata mereka menjadi bahan hangat media. Kalau tidak mahu menimbulkan kontroversi, setiap pemimpin perlu mengawal kata-kata mengenai apa juga yang hendak diperkatakan.